

**BH Yew Architect**

15th FLOOR MENARA AMMETLIFE  
NO. 1 JALAN LUMUT 50400 KUALA LUMPUR  
T (603) 4043 1346 F (603) 4043 1349

**BH** YEW  
ARCHITECT

Kuala Lumpur : **12 JAN 2017**  
Ruj. Kami : BHY- 55714/PP/PPSB/BOMBA-003  
Ruj Tuan : JBPM/PP/BKK: 700-2/1/1/1/168104

**IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI PULAU PINANG**  
Jalan Batu Kawan  
14100 Simpang Empat  
Pulau Pinang.

Tuan,

I / We acknowledge receipt  
of the above mentioned



**CADANGAN MEMBINA PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS LOT 21135, PERSIARAN  
CASSIA BARAT 3, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG YANG  
MENGANDUNGI:-**

**FASA 1**

- A. 2 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 18 TINGKAT (612 UNIT).**
- B. KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT (196 UNIT).**
- C. 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN**

**UNTUK TETUAN PARAMOUNT PROPERTY (PW) SDN BHD**

***- Permohonan Pengecualian Sistem Penyemburan Air Automatik.***

Berhubung perkara di atas, kami bagi pihak pemaju Paramount Property Development Sdn. Bhd ingin memohon pengecualian peruntukan sistem keselamatan api iaitu sistem penyembur air automatik "sprinklers system" bagi cadangan pembangunan tersebut.

kami merayu agar dipertimbangkan permohonan atas sebab-sebab berikut:

- 1- Untuk makluman pihak tuan, cadangan pembangunan pangsapuri perkhidmatan pembangunan ini adalah semata-mata untuk penggunaan kediaman sahaja dan bukan dijual untuk kegunaan premis komersial. Tambahan pula, pihak Majilis Perbandaran Seberang Perai telah meluluskan pelan bangunan di mana pembangunan pangsapuri perkhidmatan adalah untuk kediaman sahaja.
- 2- Pihak Pemaju dengan ini mengakujaji bahawa jumlah 612 unit pangsapuri perkhidmatan di dalam pembangunan ini akan dijual hanya untuk kegunaan kediaman sahaja dan tidak akan digunakan sebagai rumah penginapan sementara dan beroperasi sebagai perniagaan hotel ataupun hostel.
- 3- Untuk makluman pihak tuan juga, perjanjian jual beli untuk pangsapuri perkhidmatan ini akan menggunakan perjanjian piawai (standard schedule H) daripada pihak kementerian perumahan dan kerajaan tempatan bagi pembangunan pangsapuri perkhidmatan ini di mana pemaju perlu mematuhi segala undang-undang dalam Akta Pemaju Perumahan.

Kuala Lumpur :  
Ruj. Kami : BHY- 55714/PP/PPSB/BOMBA-003  
Ruj Tuan : JBPM/PP/BKK: 700-2/1/1/1/168104

---

4- Selain itu, pihak kami lampirkan berikut:

- a. Salinan specimen perjanjian jual beli untuk pembangunan pangsapuri perkhidmatan membuktikan bahawa pangsapuri perkhidmatan tersebut adalah dijual sebagai kediaman peribadi.
- b. Salinan surat ikatan perjanjian bersama (Deed of Mutual Covenant) antara pemilik-pemilik juga dilampirkan untuk rujukan pihak tuan. Sila rujuk seksyen 1 jadual pertama dengan peruntukan 2.1 perjanjian pemilik di mana pemilik-pemilik mesti menandatangani dan bersetuju untuk mematuhi kesemua peraturan-peraturan tersebut di dalam perjanjian ini terutamanya klausa ini iaitu pemilik tidak dibenarkan sama sekali menjadikan unit mereka sebagai rumah penginapan atau hotel.
- c. Salinan surat kelulusan pelan bangunan untuk pembangunan ini, di mana tajuk kelulusan pelan bangunan tersebut mencatatkan bahawa pangsapuri perkhidmatan ini telah mematuhi kehendak-kehendak pembangunan untuk kegunaan kediaman


Walau pun pembangunan pangsapuri perkhidmatan ini terletak di atas pembangunan kedai pejabat, tetapi ianya merupakan kedua-dua komponen yang berasingan di dalam bangunan dan mempunyai system pencegahan kebakaran masing-masing.

Dengan penjelasan di atas, diharap pihak tuan dapat mempertimbangkan permintaan pihak kami. Kami berharap mendapat maklumbalas daripada pihak tuan dan segala kerjasama daripada pihak tuan kami dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**BA YEW ARCHITECT**



.....  
**Ar. Yew Bu Hwa**

Sk Tetuan Paramount Property (PW) Sdn Bhd.